



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “KEKUATAN IMAN DAN TAQWA”.

6 FEBRUARI 2015M / 16 RABI'UL AKHIR 1436H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ

(al-Anfaal: 2)

رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah SWT yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“KEKUATAN IMAN DAN TAQWA ”**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Bertaqwa kepada Allah SWT, memberi ganjaran besar berupa kemenangan di dunia dan di akhirat. Orang-orang yang beriman dan bertaqwa akan pasti mendapat balasan baik di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat. Sebagai umat Islam yang beriman, menjadi hamba yang disayangi oleh Allah SWT sangat diingini.

Kita patut bersyukur kepada Allah SWT kerana nikmat yang paling besar kita capai dalam kehidupan kita adalah nikmat beragama. Islam menjanjikan kesejahteraan dan kejayaan kepada umatnya. Berpegang teguh kepada ajaran Islam menjadikan kita sebaik-baik dan semulia-mulia manusia di sisi Allah SWT. Jika kita mengakui Islam, wajarkah kita mengingkari segala perintah-Nya atau perlukah kita melaksanakan tegahan-Nya. Jika kita menyayangi sesama manusia juga, kita akan patuh dan ta'at kepadanya. Kita akan mendengar segala kata-katanya dan kita tidak akan membiarkan hubungan kita rosak hanya kerana kita mengingkarinya. Tetapi bagaimana pula hubungan kita dengan Allah? Bukankah Dia Pencipta yang selayaknya disayangi melebihi daripada perasaan kasih sayang sesama manusia?

Setiap hari dan setiap detik kita bernafas dengan udara yang dianugerahkan Allah SWT. Setiap hari juga kita makan dan minum dengan sumber hasil bumi anugerah yang dibekalkan oleh Allah, malah setiap masa kita bergerak dan berpijak di bumi Allah dan berpayungkan langit ciptaan Allah SWT. Di manakah letaknya perasaan dan ketulusan hati kita mencintainya? Apakah bergetar hati kita apabila menyebut nama-Nya?

Apakah seram sejuk dan menggigil tubuh kita apabila kita mengetahui Kuasa-Nya mengatasi segala-galanya di dunia ini?

Firman Allah SWT dalam surah al-Anfaal ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ

إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya orang orang beriman itu (yang sempurna imannya), ialah mereka yang apabila disebut nama Allah dan sifat-sifat-Nya, gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat al-Quran, bertambahlah iman mereka dan kepada Allah mereka berserah.*”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Islam adalah agama anugerah daripada Allah SWT kepada umat Islam. Ia membawa kebenaran, kesejahteraan, kemakmuran, kemenangan, kekukuhan perpaduan dan sebagainya. Sejak lebih 1,400 tahun yang lalu, Allah SWT telah membuat pilihan terbaik untuk umat Islam seluruh dunia apabila menurunkan wahyu pertama-Nya kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail AS. Allah SWT sentiasa memberi kemenangan kepada agama Islam walau apa pun tentangan yang diterima daripada musuh-musuh Islam untuk menghancurkannya. Islam yang sampai kepada kita pada hari ini adalah bukti jihad dan pengorbanan

terbesar yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah SAW, para sahabat dan pejuang-pejuang Islam dalam menegakkan syiar Islam. Seharusnya keyakinan kita sebagai umat Islam tidak tergugat dengan realiti dunia yang saban hari semakin menekan dan menindas umat Islam di mana sahaja, sama ada secara kita sedari atau tidak.

Menyayangi Islam bererti kita mencintai Allah SWT dan bermakna kita wajar menjadi pembela utama dan pencinta tegar agama ini. Islam sentiasa dimusuhi ramai pihak meskipun ia membawa ketenangan abadi kepada semua dan sesuai dengan fitrah. Membiarkan Islam dibela oleh orang bukan Islam sedangkan umat Islam sendiri berpeluk tubuh memandang dari jauh adalah tindakan yang dayus dan sangat dikutuk oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

Islam bukan agama yang dhaif sehingga terlalu bergantung kepada sesuatu kaum sahaja untuk membela dan memperjuangkannya. Agama ini terlebih dahulu diperjuangkan oleh bangsa Arab sebelum ia meresapkan hidayahnya kepada bangsa lain, dan apabila bangsa Arab melupakan Islam, agama ini tetap gagah dan hebat di tangan bangsa lain seperti Turki, Farsi, Kurdi, Melayu dan lain-lain. Islam pernah singgah di bumi India, empayar China dan kepulauan Melayu. Kini bangsa Melayu berbangga kerana memiliki Islam sebagai agama mereka dan Islam juga menjadi pemangkin dalam meninggikan martabat sesuatu bangsa. Saidina Umar RA pernah berkata: ***“Kita (bangsa Arab) adalah kaum yang hina. Lalu Allah memuliakan kita dengan Islam. Jika kita memilih ajaran lain selain daripadanya, nescaya kita akan dihina semula oleh Allah”***.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Islam sentiasa di pihak yang benar. Umat Islam seharusnya memperkuat keimanan dan memperteguhkan ketaqwaan kepada Allah SWT untuk meletakkan Islam itu di martabat tertinggi. Umum mengetahui Islam itu agama Allah, justeru ia berada di tempat yang tinggi. Islam sering dicabar dan maruah umat Islam mudah dipersendakan. Isu-isu akidah yang timbul turut mencemarkan nama baik Islam seperti ajaran sesat, cubaan menukar agama, anti Hadis, Islam Liberal, fahaman sekular, ideologi moden seperti kapitalisme, materialisme, pluralisme dan komunisme, syiah dan lain-lain. Inilah bentuk ancaman yang paling besar dan hebat yang mampu mengganggu gugat kebenaran, kesejahteraan dan kemakmuran Islam di negara ini. Jika umat Islam sendiri masih lagi mempertikaikan kebenaran Islam, apatah lagi mereka yang bukan Islam. Teladan bagaimanakah yang harus dicontohi oleh mereka sekiranya yang ada di hadapan mereka adalah umat Islam yang tonggang langgang, tidak berpendirian, malah turut mengutuk agama Islam sendiri.

Islam itu bukan sekadar mengakui Allah SWT yang Esa dan Nabi Muhammad itu pesuruh-Nya. Islam juga bukan hanya melaksanakan tuntutan ibadah seperti solat, berpuasa, zakat dan menunaikan haji. Jika kita sebagai umat Islam tidak mahu mendalami ajaran tersebut, ternyata kita adalah dalam kalangan orang yang tidak mendapat keuntungan dan rahmat Allah SWT. Umat Islam masih ketandusan para *mujaddid* yang berperanan melakukan *reformasi* terhadap budaya hidup yang semakin

ditenggelami *modenisasi* yang menyesatkan. Kejahilan terhadap Islam membuatkan ada pihak yang menentang sebarang usaha pembaharuan yang dibawa oleh pendukung-pendukung Islam yang nyata mencintai agama dan masa depan umat Islam sendiri.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Firman Allah SWT dalam surah al-Maaidah, ayat 3 yang diturunkan ketika Baginda SAW menyampaikan khutbahnya yang terakhir dengan jelas membawa maksud yang begitu besar kepada umat Islam seluruhnya :
“.....Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama kamu”.

Kesimpulannya:

1. Berpegang teguh kepada ajaran Islam dan meninggalkan perkara yang dilarang adalah sumber kekuatan iman dan taqwa.
2. Umat Islam harus menyedari bahawa Islam itu martabatnya semakin tinggi dan semakin dipelihara di sisi Allah SWT.
3. Semakin mulianya Islam, semakin banyak ancaman dan semakin ramai yang ingin menggugat kebenarannya.
4. Kemuliaan hamba di sisi Allah SWT hanya keimanan dan ketaqwaan yang membezakannya.

Marilah kita bersama-sama memantapkan lagi kefahaman dan kecintaan kita terhadap Islam yang sering disalaherti oleh umatnya sendiri. Atas kefahaman yang tinggi bahawa Islam itu membawa kebenaran, pasti timbul kesedaran kepada umat Islam untuk membela agama yang mulia ini. Terlalu banyak isu yang diputar belit oleh pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab dan menyebabkan ramai yang keliru dengan Islam. Anggapan bahawa Islam itu agama yang kejam, kuno, ganas dan sebagainya sering kita dengari. Peluang harus diberi kepada usaha-usaha untuk menjelaskan Islam yang sebenar melalui saluran-saluran komunikasi yang ada supaya masyarakat tidak cepat melatah tentang sesuatu isu yang timbul.

Apabila kita memperolehi hidayah keimanan, pasti segala kemudahan dalam mengerjakan amalan akan diperolehi dan kita harus sedar bahawa kita sentiasa berada dalam kesesatan, dan hanya yang memohon pertunjuk Allah, mampu melepasi kesesatan itu. Janganlah menjadi umat yang sombong dan takbur seperti maksud sabda Rasulullah SAW :***“Takbur itu adalah menolak kebenaran dan menghina orang lain.”*** (Hadis riwayat Muslim).

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita renungi firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 119:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.